



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/08/81 (HQ)**

### **PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

Kehidupan Puan Atmiah binti Tijan kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Jawa, Bukit Pelandok, Port Dickson, Negeri Sembilan menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat Negeri Sembilan 2016.

Puan Atmiah binti Tijan, 52, adalah ibu tunggal selepas kematian suami mempunyai 9 orang anak, 2 daripadanya adalah OKU telah dicadangkan sebagai penerima bantuan rumah kali ini.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibina baharu lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air serta elektrik.

Rumah Puan Atmiah binti Tijan yang siap dibina dirasmikan hari ini oleh EXCO/Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Kepenggunaan Negeri Sembilan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan Kawasan Bagan Pinang, Yang Berhormat Dato' Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar.

Pengurus Besar, Stesen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan, Tuan Haji Zulkifli Jaafar Sidek dalam ucapannya berkata Projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, setakat ini empat (4) orang penerima yang layak telah dikenal pasti melibatkan pengajur dari pejabat Pengurus Besar Negeri Sembilan dan Pejabat Pengurus Besar Stesen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan.

**Dikeluarkan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 18 Ogos 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)